

28 OCT 2002

PARLIMEN-MAS

PENJUALAN MAS CATERING DIBUAT SECARA "WILLING BUYER-WILLING SELLER"

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Penjualan ekuiti MAS Catering Sdn Bhd (MCSB) oleh Malaysian Airline System Bhd (MAS) adalah dibuat secara "willing buyer-willing seller basis" (asas sepakatan pembeli-penjual).

"Oleh yang demikian, soalan siapakah pemegang saham syarikat yang akan mengambil alih ekuiti MCSB tidak timbul sama sekali," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan dalam jawapan bertulis kepada soalan Husam Musa (PAS-Kubang Kerian) di Dewan Rakyat hari ini.

Husam, dalam soalnya, ingin tahu adakah benar MAS telah menjual pegangannya ke atas MCSB kepada syarikat yang ada kaitan dengan Ibrahim Ahmad Badawi dan jika benar, apakah harga penjualan, latarbelakang dan kedudukan kewangan syarikat terbabit.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa MAS pada 30 Julai lepas telah mengumumkan bahawa Perjanjian Penjualan Saham telah ditandatangani dengan Gubahan Saujana Sdn Bhd (GSSB) bagi penjualan 70 peratus ekuiti di dalam MCSB pada harga RM175 juta, sebagai satu langkah bagi mengukuhkan kedudukan kewangannya.

GSSB pula mempunyai pengalaman dan akan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada perkhidmatan penyajian dalam penerbangan.

"GSSB dimiliki 51 peratus oleh Fahim Capital Sdn Bhd dan baki 49 peratus lagi dimiliki oleh LSG Asia GmbH," katanya.

LSG Asia GmbH adalah sebuah syarikat yang dimiliki penuh oleh LSG Service Holding AG, iaitu pengendali sajian untuk syarikat penerbangan bertaraf antarabangsa yang beroperasi di 200 lokasi di semua benua.

Penjualan ekuiti pula adalah berasaskan kepada faktor bahawa MCSB merupakan aset bukan teras bagi MAS, oleh itu penjualannya membolehkan MAS menumpukan perhatian sepenuhnya kepada operasi penerbangannya.

Walaupun bagaimanapun, MAS akan terus memiliki baki saham 30 peratus untuk memastikan MCSB terus memberikan tahap perkhidmatan yang optimum.

Dengan cadangan "outsourcing" (bekalan dari luar) ini, MAS dijangka dapat menjimatkan kos perkhidmatan dalam jangka panjang. -- BERNAMA

HS JR